

IBN Corp raih Anugerah Pilihan Pengguna 2022

Oleh [Mohd Zaky Zainuddin](#) - Februari 23, 2022 @ 7:05pm
zaky@bh.com.my



Dari kiri, Pengurus Jualan, Kevin Chai; Pengarah Jualan Branden Ng; Naib Presiden, Megat Khalil Izzuddin Shah; Timbalan Pengurus Besar, Zhang Hui Feng; Ketua Jabatan Media, Leslie Chai dan Pembantu Pengurus Jualan, Terence Toh pada majlis penerimaan Anugerah Pilihan Pengguna 2022.

KUALA LUMPUR: IBN Corp Ltd (IBN Corp) menggondol Anugerah Pilihan Pengguna 2022, pengiktirafan berprestij oleh Majlis Tindakan Pengguna Negara (MTPN).

Anugerah itu adalah pengiktirafan kepada syarikat yang berupaya memenuhi kepuasan pelanggan dan memperoleh kecemerlangan perniagaan bagi kualiti produk serta perkhidmatan, profesionalisme dan integriti mereka.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Anugerah Pilihan Pengguna 2022 telah juga diiktiraf oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Ia adalah kemuncak pencapaian usaha dan kesetiaan jenama pemenang kerana ia berdasarkan tinjauan MTPN yang mengumpul dan menyemak pendapat beribu-ribu pelanggan setiap tahun.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Kanger yakin prospek kumpulan kekal cerah**
- **Sime Darby Property jangka catat jualan lebih RM2.4 bilion**
- **Tropicana dinobatkan nemai hartanah**

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 8m **Ahli Parlimen, aktivis sara pelarian Rohingya dibenarkan kerja secara sah**
- 9m **Era baharu politik sukarkan parti menang majoriti dua pertiga**
- 9m **Ashira cari RM30,000 penuhi impian beraksi di California**
- 9m **Serius jayakan Pelan Antirasuah Nasional pulih kedudukan CPI**
- 13m **Kes pembunuhan beramai-ramai Rohingya sah**
- 17m **Dagangan ringgit dibuka rendah**
- 21m **COVID-19: Penggunaan katil ICU di Kelantan catat 83 peratus**
- 24m **Iltizam rakyat, disiplin sendiri tangani gelombang Omicron**

terbaik

- **HOMEVEST disenaraikan di 1Exchange Singapura**

Naib Presiden IBN Corp, Megat Khalil Izzuddin Shah, berkata anugerah berkenaan adalah satu pencapaian membanggakan diraih syarikat dan sebagai bukti kepada dedikasi berterusannya IBN Corp dalam memenuhi kepuasan pelanggan.

"Dari sesi pembabitan dengan bakal pembeli hartanah dan pelabur yang berpengalaman sehinggalah kepada menjalankan tinjauan pasaran khusus, pasukan kami sentiasa berusaha untuk menambah baik cara kami menjalankan perniagaan. Kami berbesar hati untuk diiktiraf di atas prestasi profesional dan kepakaran kami.

"Kami sangat menghargai undi keyakinan oleh pelabur hartanah, pihak pemegang taruh dan mereka yang mengenali kami. Kami teruja kerana begitu ramai orang di rantau ini mengaitkan IBN Corp sebagai antara pemaju hartanah mewah yang dipercayai," katanya dalam satu kenyataan.

IBN Corp yang ditubuhkan secara rasmi di Malaysia pada 2018, memberi tumpuan kepada pembangunan hartanah mewah dan mempunyai pangkalan pelanggan yang kebanyakannya terdiri daripada pembeli luar negara.

Pembangunan utama IBN Corp termasuk IBN Bukit Bintang – pembangunan bertingkat tinggi mewah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.3 bilion yang akhirnya akan menjadi bangunan kediaman tertinggi di Kuala Lumpur serta IBN Highlands City, projek pembangunan bercampur dengan GDV RM6.2 bilion yang terletak di Genting Highlands.

Projek pembangunan kecil lain membabitkan anak syarikatnya adalah Bentong Eco Park di Pahang dan Green City di Serendah, Selangor.



IKUTI KAMI DI:

